



MUTAAH DAN PERLAKSANAANNYA
DI DALAM MAHKAMAH SYARIAH
WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH
MASHADI BIN SALAMON

SESI
1985/1986

KURSUS DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KULIAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA

PENGHARGAAN

~ ~ ~ ~ ~

Semoga puji-pujian bagi Allah Selamat dan Salam keatas junjungan Nabi S.,hammad S.A.W. Dengan taufik dan hidayah dari-Nya Allah S.W.T. maka dapatlah penulis menyediakan keatas projek yang berku ringkas ini sebagai memenuhi syarat untuk mendapat diploma Universiti Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada pihak Universiti Islam antarabangsa yang telah menyahut kehendak Kerajaan untuk melaksanakan Program Kursus seperti ini yang julung kali diadakan di Malaysia.

Ucapan penghargaan yang khusus saya tujuarkan kepada sekalian yang bertanggungjawab dikuliah Undang-Undang serta tenaga pengajarannya yang bertungkus lumus memberi bimbingan, panduan dan tunjuk ajar, lebih-lebih lagi kepada yang berbahagia Tuan Ustaz Abdullah bin Abu Bakar yang menjadi Penyelia saya di-dalam Penyediaan Kertas Projek ini.

Sekian wassalam.

PERMINTAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين ، سيدنا محمد وعليه السلام وآله وآله وآل بيته وصحبه وتابع التابعين ، دامت بعثة نبي الرحمة يوم القيمة . ووجه :

Kertas projek ini bincang-bincang , adalah bertujuan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kuliah undang-undang Universiti Islam Antarabangsa bagi mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Dalam usaha mendedahkan sedikit sebanyak rahsia hukum dan hikmah mutaah penulis telah membuat kajian dengan berpandukan kepada Al-Quran dan Hadith serta kitab-kitab fiqh karangan Ulama yang muktabar dan Enamnen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.

Dalam menghuraikan kertas projek ini , penulis telah memberi penekanan berhubung dengan mutaah mengikut lunas-lunas Islam dan kajian tuntutan mutaah dalam Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dengan sedemikian memudahkan kepada penulis membuat analisa berdasarkan kepada kajian yang diterangkan dalam bab-bab berikut:-

Bab Pertama

Mengandungi pengertian umum mutaah, taarif mutaah dari segi bahasa, mutaah dari segi istilah, dalil Al-Quran sebab wajib dalil daripada Hadith, pendapat imam Shafie tujuan wajib pendapat mazhab-mazhab fiqh, pendapat mazhab Hanifah, pendapat Shafie, pendapat penulis.

Bab Kedua

Dinyatakan bidang kuasa enamnen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974, kuasa-kuasa Mahkamah dan Kuasa Kadi Besar, Kuasa Mahkamah Kadi, pendapat penulis, masa tuntutan dibuat, tuntutan terus ke Mahkamah, tuntutan melalui wakil (Pegawai), tuntutan persendirian catitan gulung kes pernikah yang terlibat percerai selepas per-

setubuhan, pendapat penulis contoh kes persetujuan pendapat penulis, keadaan yang dapat mutaah, pendapat Mazahab Hanafiah, pendapat setengah Mazahab Hanafi, pehak laki-laki peranjkaan, geraf kes Mal Mahkamah Kadi Besar contoh perbicaraan secara langsung.

Bab Ketiga

Dinyatakan dasar mutaah, asas perselisihan pendapat ulamak pada mutaah, pendapat mazahab Hanafiah, pendapat Mazahab Shafie, pendapat Imam Malek, pendapat Imam Ali dan Said bin Jabir dan Juhri dan Mutaadah contoh kes,

Bab Keempat

Halangan pelaksanaan, pendapat penulis tanggongjawab isteri, tanggongjawab suami kelancaran pelaksanaan contoh-contoh kes dan ulasan, tugas-tugas Mahkamah,

Kesimpulan dan cadangan untuk Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Semoga penulisan yang tidak seberapa ini dapat diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala Amin.

	<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Penghargaan	i	
Pendahuluan	ii - iii	
Isi Kandungan	iv - v	
<u>BAB PERTAMA</u>		
Pengertian Umum.....	1 - 3	
Takrif mutaah segi bahasa.....	4	
Mutaah dari segi Istilah.....	4	
Dalil Al-Quran.....	5 - 6	
Sebab wajib.....	6 - 7	
Hadith.....	7 - 8	
Pendapat Imam Shafie.....	8	
Tujuan wajib.....	9	
Pendapat Mazhab Fiqh.....	10	
Pendapat Mazhab Hanafiah.....	10 - 12	
Pendapat Mazhab Shafieyah.....	12 - 13	
Pendapat penulis.....	13	
<u>BAB KEDUA</u>		
Enekmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah		
Persekutuan.....	13 - 14	
Kuasa Mahkamah dan Kuasa Kadi Besar.....	14 - 15	
Kuasa Mahkamah Kadi.....	15 - 16	
Pendapat Penulis.....	16 - 17	
Masa tuntutan dibuat.....	17	
Tuntutan terus ke Mahkamah.....	17 - 18	
Tuntutan melalui Wakil (Peguam).....	18 - 19	
Tuntutan bersendirian.....	19 - 20	
Catitan.....	20	
Gulung kes.....	20	
Pihak yang terlibat.....	21	
Perceraiian selepas bersetubuh.....	22	
Pendapat penulis.....	22 - 23	
Contoh kes persetujuan.....	24 - 27	
Pendapat Penulis.....	27	

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Keadaan yang dapat mutaah.....	28
Pendapat Mazhab Hanafiah.....	28 - 29
Pendapat Setengah Mazhab Hanafi.....	29 - 30
Pendapat Hanafiah.....	30 - 32
Pehak lelaki.....	33 - 34
Perangkaan.....	34
Graf.....	35
Contoh kes perbicaraan secara langsung.....	36 - 41
 <u>BAB KETIGA</u>	
Dasar mutaah.....	42
Asas perselisihan pendapat ulamak.....	42
Pendapat Mazhab Hanafiah.....	42 - 43
Pendapat Mazhab Shafie.....	43 - 45
Pendapat Imam Malek.....	45 - 46
Pendapat Imam Ali dan lain-lain.....	46 - 47
Contoh kes.....	48 - 59
 <u>BAB KEEMPAT</u>	
Halangan pelaksanaan.....	60
Pendapat Penulis.....	61
Tanggungjawab isteri.....	62 - 63
Tanggungjawab suami.....	63 - 64
Kelancaran Pelaksanaan.....	65
Contoh Kes.....	66 - 81
Pendapat Penulis.....	82
Contoh kes.....	83 - 92
Ulasan Penulis.....	93
Contoh kes.....	94 - 101
Ulasan Penulis.....	102
Tugas Mahkamah.....	103 - 104
 Kesimpulan dan cadangan.....	
Kesimpulan dan cadangan.....	105
Penutup.....	105
Bahan-bahan rujukan.....	106 - 108

"MUTAAH"

Pengertian Umum

Mutaah ialah perkataan berasal daripada Arab iaitu "MATAE" atau "MATTAE", yang bermaksud sesuatu benda yang dimunafaatkan atau sesuatu perbuatan yang mendatangkan keseronokan atau sesuatu pemberian suami yang menceraikan isterinya. (1)

Bertolak daripada maksud Bahasa Arab ini dapatlah difahamkan bahawa mutaaah itu adalah satu pemberian yang dianjurkan oleh Agama Islam bagi menjaga kepentingan dan hak perempuan-perempuan yang diceraikan oleh suami-suami.

Dengan bercerai satu-satu pasangan maka akan berlakulah perpecahan didalam masyarakat Islam. Oleh itu Islam menggalakkan kepada suami yang menceraikan isterinya agar memberikan cenderamata bagi meredakan hati isteri yang diceraikan, demi mengelakkan dari-pada permusuhan dan perpecahan dalam Islam. (2)

Dengan adanya pemberian itu juga dapatlah menjauhkan daripada sangkaan buruk masyarakat terhadap isteri-isteri yang diceraikan, yang mana setiap perceraian adalah disebabkan berlakunya peribadi seseorang yang tidak baik. Tetapi dengan adanya mutaaah itu dapatlah digambarkan bahawa berlakunya perceraian bukan kerana peribadi yang tidak baik atau akhlak yang buruk, tetapi disebabkan sudah habis. Yang demikian sangkaan masyarakat terhadap bekas isteri dan keluarga perempuan tidak tercemar. Nama perempuan yang diceraikan itu didapati masih bersih, mudah-mudahan dengan cara demikian akan cepat bertemu jodoh. (3)

.....2/-

-
- (1) Luis makluf "Al Munjid Filluzzah Wal adab" citakan Al Kasulikiah Bairut Lubnan th 1956 halaman 745.
 - (2) Ahmad Mustafa Al Maghari "Tafsir Al Maghari" Citakan Mustafa Al Babi Al Halabi" Mesir Citakan 5 th.1394/1974 Juzuk 2 halaman 197
 - (3) Ibid halaman 197.

Andaikata berlakunya sesuatu perceraian tanpa diiringi dengan satu-satu pemberian oleh bekas suami maka masyarakat akan menganggap bahawa perempuan yang diceraikan itu adalah perempuan yang tidak baik dan buruk akhlaknya. Sebab itulah Islam menggalakan umat-umatnya supaya menutup keaiban sesama Islam.

Sebagaimana Sabda Rasulullah S.A.W.

(1) *وَمَنْ لَمْ يُكُفِّرْ بِاللَّهِ فِي الدُّنْيَا مَلَّا حِرَةٍ*

Yang bermaksud "Barang siapa menutup keaiban saudara yang Islam, Allah akan menutup keaibannya didunia dan diakhirat."

Dengan keterangan hadis yang dibawa oleh Rasulullah ini amatlah berpadanan dengan kehendak dalam kitab fekah yang mengadakan iaitu dengan memberi saguhati terhadap isteri yang diceraikan. Dengan cara demikian ikatan persaudaraan dalam Islam dapat dikekalkan dengan hormat menghormati diantara satu sama lain tanpa ujud kebencian dan permusuhan.

Rasulullah S.A.W. telah bersabda:

(2) *نَبَارِ سَلَامَهُ رَهِيْدَهُ وَمَنْ شَافَ سَلَامَهُ
شَفَ اللَّهُ عَلَيْهِ اَفْرَجَهُ اَبُو دَاؤُودُ وَالْزَمْرَدِيُّ*

Hadis ini memberi erti "Siapa-siapa yang memudaratkan saudaranya yang Muslim, nescaya Allah S.W.T. membala dengan memberi kemudaratian juga, dan siapa-siapa yang menyusahkan saudaranya dari orang-orang Islam bahawa Allah juga akan menyusahkannya."

....3/-

-
- (1) Al Syid Al Imam Muhammad bin Ismail Al Kahlani "Subul Al Salam" Citakan M'stafa Al Babi Al Halabi Mesir juzuk 4 th.1970 M/1379 H halaman 168
- (2) Ibid halaman 198.

Dengan ketegasan hadis ini dapatlah dimengertikan bahawa tidak harus bagi sesorang Islam melakukan permusuhan dan perpecahan dikalangan umat Muhammad S.A.W. walaupun ada berlaku perceraian tetapi perkara itu adalah perkara yang diharuskan oleh syarak untuk berpisah dengan syarat perpisahan itu diaturkan dengan cara yang baik dan mengikut undang-undang dan ajaran Islam yang betul. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pahit dijiwa mereka-mereka yang terbabit.

Walau pun perceraian itu harus daripada segi hukum syarak tetapi ia sangat-sangat dibenci Allah S.W.T. sebagaimana Rasulullah pernah bersabda:

(1)

ابغض الحلال اى الله اطلاق

Yang membawa erti, "Perkara yang halal yang dibenci oleh Allah S.W.T. ialah Al Talak". Berdasarkan daripada hadis ini dapatlah penulis mengambil kesimpulan bahawa mutaah itu adalah sangat-sangat digalakkan oleh Allah S.W.T. kerana ia merupakan sebagai saguhati kepada perempuan-perempuan yang telah diceraikan, juga meredakan keadaan pahit dan sedih, bila seseorang isteri telah diceraikan oleh suaminya. Dengan adanya saguhati itu dapatlah meringankan beban yang ditanggung oleh bekas isteri juga melembutkan hati daripada tekanan jiwa dalam menghadapi suasana perceraian, kerana mutaah itu adalah ajaran Islam yang sebenar.

Sebagaimana firman Allah S.W.T.

(2)

وَمَنْ هُنَّ عَلَى الْمُوْسَعِ فَرِه

Ayat ini memberi erti: "Bahwasanya kehidupan didunia ini adalah kebendaan atau keseronokan yang palsu".

....4/-

(1) Muhammad bin Ismail. halaman 168.

(2) Surah Al Baqarah ayat 236.

TAARIF MUTAAH PADA SEGI BAHASA

Mutaah pada segi bahasa ialah barang yang bersedap-sedap dengannya, atau barang yang memberi munafaat dengannya. Munafaat yang sedikit yang tidak kekaik, bahkan akan luput dalam sedikit masa. (1)

Bertepatanlah dengan firman Allah S.W.T.

(2) *أَنَّ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا مَتَاعٌ الْغَرُور*

Ayat ini memberi erti: "Bahwasanya kehidupan di dunia ini adalah kebendaan atau keseronokan yang palsu".

Mutaah pada segi istilah ialah barang yang diterima oleh perempuan setelah diceraikan dia seperti pakaian dan seumpamanya. Sebab dinamakan demikian kerana perempuan yang diceraikan itu bersedap-sedap dengan penerimaannya itu. (3)

Sesuatu barang yang diberi oleh suami kepada isterinya setelah bercerai antara keduanya daripada pakaian dan sebagainya. (4)

Berdasarkan kepada taarif yang tersebut dapatlah difaham bahawa pemberian itu bukanlah berkekalan, tetapi hanya sekadar menolong ketika berlakunya perceraian bagi mengurangkan beban yang menimpa keatas isteri-isteri yang telah diceraikan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa perceraian adalah merupakan satu peristiwa yang paling pahit dalam sejarah hidup berumahtangga. Kerana peristiwa itu amat susah hendak dilupakan. Perkara ini bukan sahaja mendatangkan kesan kepada diri yang bercerai tetapi melibatkan juga nama baik keluarga kedua belah pihak.

Dengan adanya pemberian itu dapatlah mengurangkan beban yang ditanggung oleh isteri yang diceraikan untuk dijadikan bekalan pada masa yang tertentu. Perpisahan atau perceraian tanpa sebarang pemberian akan menambahkan lagi kepedihan terhadap isteri yang diceraikan.

.....
....5/-

-
- (1) Omar bin Abdullah "Al Ahkam Al Syariah Al Islamiah Fil Ahwal Al Shahsiah" citakan Dar Al Maarif Mesir th.1961 halaman 291
 - (2) Surah Al Imran ayat 185
 - (3) Op.Cit halaman 291
 - (4) Muhammad Salam Madkur "Alkam Al Usrah Fil Islam" Citaikan Dari Al nahdah Al Aribiah" Kahira Mesir, th.1389/1969 halaman 304.

DALIL DARI AL-QURAN

لَا يَنْهَا حَتَّىٰ يَعْلَمُنَّ مَا لَمْ تَعْلَمْنَ أَوْ تَفْرِضُنَا
لَهُنَّ فَرِيَضَةٌ وَمِنْهُنَّ عَلَى الْمَوْعِدِ فَرِهٗ وَعَلَى الْمُنْزَلِ
فَرِهٗ مِنْ أَعْمَالِهِ مَنْعَلِيَ الْحَسِنَةِ (1)

Ayat diatas membawa maksud, "Tidaklah berdosa diatas kamu sekiranya kamu menceraikan isteri-isteri kamu, walaupun kamu belum menyentuhinya lagi ataupun kamu belum menentukan baginya mahar. Tetapi hendaklah kamu memberinya satu pemberian yang patut mengikut kadar yang bersesuaian dengan kedudukannya. Sesungguhnya itu adalah satu perbuatan yang mulia ke atas orang yang suka membuat kebaikan".

Berdasarkan ayat tersebut dapatlah difahamkan bahawa berlakunya perceraian itu adalah harus disegi Agama Islam, asalkan ianya melalui saluran tertentu yang telah digariskan oleh hukum syarak.

Seperti seorang perempuan yang telah diceraikan tidak disebutkan maharnya sewaktu akad nikah maka bekas suami diwajibkan membayar mahar misil. Manakala mereka yang menceraikan isteri yang menyebutkan maharnya sewaktu akad nikah dikehendaki bekas suaminya itu membayar mahar yang telah disebutkan.

Bertolak daripada dua masalah yang tersebut bertujuan meringankan beban yang ditanggung oleh pihak perempuan, maka penetapan ini telah ditentukan oleh syarak dengan mewajibkan memberi mutaah kepada perempuan yang diceraikan.

Hikmat mewajibkan mutaah ini adalah merupakan satu ujian ataupun dugaan bagi perempuan yang diceraikan kerana ia mendatangkan kesan yang tidak baik dan menjadi sangkaan buruk masyarakat terhadapnya, kerana seorang suami tidak akan menceraikan isterinya kecuali didapati akhlak isterinya tidak baik.

....6/-

(1) Surah Al-Baqarah ayat 236.

Dengan pemberian mutaah itu juga akan menghilangkan sangkaan buruk masyarakat terhadap perempuan yang telah dicerai kerana perceraian itu datang dari pihak lelaki. Dengan demikian dapatlah perempuan itu menebus nama baiknya.

Walaupun berlakunya perceraian, bekas suami tetap mengakui kebaikan bekas isterinya dengan memberi satu pemberian yang munasabah bagi meringankan beban yang ditanggung oleh bekas isterinya. (1)

SEBAB WAJIB

Firman Allah S.W.T.

لَا جناحَ عَلَيْكُمْ أَنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَمْ لَمْ تَعْوِذُنَّ وَمَنْ فَرِضْتُمُوهُنَّ
فَرِيضَةٌ وَمَنْ نَمْرُوضَتْ عَلَى الْمَوْسِعِ فَدَرَهُ وَعَلَى الْمَقْرَبِ فَدَرَهُ
مَتَاعًا بِالْمَرْوُفِ حَقًا عَلَى الْمُحْسِنِينَ .
وَإِنْ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَعْوِذُنَّ وَقَدْ فَرِضْتُمُوهُنَّ
فَرِيضَةٌ فَنَصَفُ مَا فَرِضْتُمْ إِلَّا أَنْ يَصْفُونَ أَوْ يَمْغُوا النِّسَاءَ
بِيَدِهِ كُفْرَهُ الْكَافَّ وَإِنْ تَعْفُوا أَخْرَبُ لِلْتَّفَوْكِ وَلَا تَقْنُو الْعَقْلَ
بِيَكْلَمْ أَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ . (2)

Ayat ini diturunkan sempena terjadi seorang lelaki keturunan Ansar yang telah berkahwin dengan seorang perempuan yang tidak disebutkan maharnya waktu akad nikah. Kemudian lelaki itu menceraikan isterinya sebelum disetubuh i maka turunlah ayat ini.

لَا جناحَ عَلَيْكُمْ أَنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ

Ayat ini memberi erti "Tidak berdosa atas kamu jika kamu mentalak isteri-isteri mu."

....7/-

(1) Dr.MOhd. Hijazi " Tafsir Wadhih citakan Istiklal Kubra Mesir
tahun 1972/1392 juzuk 2 halaman 66

(2) Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 236/237.

Dan kamu belum menyentuhnya juga kamu belum menentukan bagi mereka suatu ketetapan mas kahwin. Tetapi berilah mutaah kepada mereka atas orang kaya menurut kadarnya dan atas orang yang miskin menurut kadarnya. Pemberian menurut ma'arof sebagai satu hak yang wajib dipenuhi atas segala orang yang berbuat ihsan. (1)
Daripada Al-Hadis:

رَعِنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ حَمْرَةَ بْنَ الْجَوْنَ تَمَوَذَتْ مِنْ
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ دَخَلَتْ يَمَنًا لَا

لَقَدْ عَذَتْ بِعِمَادِ فَطَلَقَهَا وَأَمْرَ أَسَاهَ بِمَنْعِهَا بِنَدَانَهُ
الْوَابُ. أَخْرَجَهُ أَبْنَ مَاجَهَ . (2)

Diriwayatkan daripada Aishah R.A. bahawa 'Amarah binti Al-Jauni telah memohon perlindungan daripada Rasulullah S.A.W. ketika berjumpa dengannya (manakala mengahwininya) maka berkata Rasulullah S.A.W. : "Sesungguhnya engkau memohon perlindungan dari orang yang melindungi mu". Selepas berkata-kata lalu Rasulullah pun menggugurnanya dengan talak. Dan menyuruh Usamah memberi mutaah dengan tiga pasang baju.

Hadith ini menjadi dalil atas wajibnya mutaah. Kerana mengikut umum hadis ini bahawa setiap perceraian walaupun belum berlaku persetubuhan antara keduanya tidaklah menjadi penghalang dari menerima mutaah. Jika ia menjadi halangan maka Umrah binti Al Juana itu sepatutnya tidak mendapat mutaah, tetapi ia diberi juga mutaah. Ini menjadi dalil bahawa tiap-tiap perceraian itu wajib diberi mutaah. Jika tidak wajib maka sudah tentu Rasulullah S.A.W. tidak memberi mutaah kepada Umrah.

....8/-

A
(1) Dr.Mohd.Hijazi, Juzuk 2, halaman 66

(2) Al-Syid Al Imam Muhammad bin Ismail Al Kahlani
Juzuk 3, halaman 152.

(2) Muhamad Ali

(3) Dr. M. H. Ali

حدىنا فضيحة بن سعيد حدىنا سفيان عن عمرو عن
سعى بن جابر عن ابن عمر، إن النبي صلى الله عليه وسلم
قال للهندل عن اصحابه على الله أحد لا كاذب ولا سهل
للك علىها، قال: يا رسول الله، ما لك؟ قال، لامال لك:
إن كنت صفت عليها فهو بما استحالت من هرجها، وإن كنت
كذبت عليها فذاك أبعد، وأبعد لك منها. (1)

Yang bermaksud: Sesungguh Rasulullah S.A.W. bersabda kepada dua orang yang berlian adakah kedua kamu menganggap bahawa dosa kamu ditanggung oleh Allah S.W.T. sedangkan salah seorang daripada kamu adalah pembohong. Tidak ada jalan bagi kamu keatasnya (perempuan) berkata suami Ya Rasulullah harta ku : Bersabda Rasulullah S.A.W. Tiada harta bagimu jika kamu telah memberi mahar kepadanya, maka pemberian itu adalah menepati sebagai penghalal bagi farajnya. Dan jika kamu berbohong kepadanya maka pembohongan itu telah menjauhkan kamu. Dan lebih jauh kamu daripadanya.

SEBAB-SEBAB WAJIB

Pandangan Imam As Shafie.

يرى الـ فضيحة، إنها تجب بكل مطلقه ولم يستثن من ذلك
(2) إلا من طلاقت قبل الدخول وأشتركت نصف المهر خلا اما
من عداها فإنها تجب لها المنعه عنه .

Wajib mutaah bagi tiap-tiap perceraian samada perceraian itu selepas bersatu atau belum bersatu dengan syarat tidak ditentukan didalam akad nikah mas kahwinnya. Berdasarkan wajib mutaah itu mengikut Nas Al-Kitab.

(3)

وللمطافات متاع بالمعروف

Dan perceraian itu samada sebab dari pihak suami atau sebab perceraian itu dari pihak isteri, kerana ayat itu menekankan mutaah bukan kerana sebab perceraian yang berlaku.

....9/-

-
- (1) Al Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail Al Bari, Fat hul Bari citakan Al Salafiah Mesir tahun 773-852 H. Juzuk 9 halaman 496.
(2) Muhammad Salam Kadkur, halaman 304
(3) Surah Al Talak ayat 20.

TUJUAN WAJIB

Tujuan mewajibkan mutaah adalah untuk meringankan beban yang dialami oleh orang yang kena cerai secara maknawi dan tekanan perasaan yang ditanggung oleh perempuan yang diceraikan serta nama baik mereka tercemar disebabkan perceraian yang berlaku. Sebab itulah Allah S.W.T. memerintahkan supaya memberi mutaah kepada mereka yang diceraikan. Dengan adanya mutaah itu dapatlah mengurangkan beban yang menimpa mereka.

وتجب المتعة للزوجة على زوجها اذا فارقها بسبب

من جهته قبل الدخول وقبل الخلوة في زواج صحيح

لم يسم قبته المهر تسمية صحيحة سواء اكانت الفرقة

طلقا او فحرا، وتسلم صدقة، لالة مهورتين :-

١ - الحالات التي يجب فيها مهر المثل بالعقد بان لم يسم مهرا في العقد اصلاً . او يسمى تسمية غير صحية او نفى فيه المهر .

٢ - اذا لم يذكر في العقد مهر، ثم فرض بعد العقد بتراتي الطرفين ، بقضاء القاضي . (١)

....10/-

(١) Omar Abdullah halaman 291.

Diwajibkan mutaah keatas suami kepada isterinya apabila berlaku perceraian yang disebabkan oleh suami, walaupun sebelum disetubuh dan belum dicampuri pada perkahwinan yang sah. Dengan tidak disebut mahar sewaktu akad nikah. Samada perceraian itu dengan talak atau pun dengan fasakh. Hal ini merangkumi dua keadaan.

1. Wajib membayar mahar misil sewaktu akad nikah tidak yang tidak disebutkan pada mulanya mahar ketika akad nikah. Ataupun disebut tetapi tidak terang atau nyata atau menidakkan membayar mahar.
2. Tidak disebut mahar ketika akad nikah, kemudian menentukan selepas akad nikah dengan persetujuan kedua belah pihak atau dengan perintah daripada Kadi.

Pendapat Mazahib Mazahib Fekah.

Pendapat Mazhab Al-Hanafiah

يرى الحنفية إنها واجبة إذا حدثت الفرقة بسبب
من قبل الزوج قبل الدخول أو الخلوة وكانت لم يسميا
بهر أو سبباً نسبياً غير صحيحة بذلك على وجوبها
عند عدم فحصه الحال القيد الوارد في القرآن:
ما لم نر وصفنا أو نفرضها لغير فرضها ومنعو من
على المرسخ قدره وعلى المفترض قدره مما عا بالمعروف
حقا على الحنيفي حقا على المتقدبي .
فقد أصرروا الوجوب من الدليل الذي دلت الغريرة
على افادته الوجوب وهي قوله تعالى: حقا على المنقين
وقوله تعالى: حقا على الحنيفين

وَحَصُوا الْوَجُوبَ بِالْحَالَةِ المَذَكُورَةِ أَنْهُ مِنْ مُحُومِ التَّقْبِيدِ
بَعْدَ أَنْ لَمْ يَتَمَكَّنْ فِي الْمُسْكَنِ مِنْ عَدْمِ الدَّخُولِ الْحَقِيقِ وَالْحَلْقِيِّ
كَمَا خَصَرَهُ عَلَى مَنْ لَمْ يُغْرِضْ لَهُ مَهْرٌ فِي الْعِنْدِ الْمُرْبِعِ
فِي ذَلِكَ كَمَا اسْتَنَادُوا مِنْ فُولَهْ نَعَالِيٍّ، أَنْ طَلَقَنِمْ
أَنْ ذَلِكَ حَامِنْ بِحَاذَا كَانَ الطَّلَاقُ مِنْ جَانِبِهِ، وَقَالُوا
أَنَّ الْمُتَّهَةَ فِي هَذِهِ الْحَالَ نَعُومُ مِقَامَ نَضْفِي الْمَهْرِ وَهُوَ
وَاجِبٌ، فَنَكُونُ الْمُتَّهَةَ ضَنَا وَاجِبٌ، إِمَّا فِيمَا عَدَ ذَلِكَ
فَقَالُوا إِنَّهَا سَبَبَتْ لِكُلِّ مَطْلَقَهُ، وَمَا زَهَبَ إِلَيْهِ الْحَنْفِيَّةُ
حَصُوا مِنْ صَبَابِ اَحْمَدَ . (1)

Mutaah wajib dibayar apabila berlaku perceraian yang disebabkan oleh suami. Walaupun belum bersetubuh atau bercampur dan mahar kedua-dua itu tidak disebutkan di dalam akad nikah pun tidak terang. Semuanya ini menunjukkan wajibnya mutaah disisi Imam Hanafi. Untuk memperjelaskan ini dirangkaikan ayat.

«مَا لَمْ تَحْسُنْ أَوْ تَفْرِضْنَا لَهُنَّ فِرِيْضَةٌ حَقًا عَلَى الْمُتَّهِيْنِ»

Dalil wajib mutaah ini diambil daripada potongan ayat

..... 12/- «حَقًا عَلَى الْمُتَّهِيْنِ»

(1) Muhammad Salam Madkur, halaman 305.

dan ayat **حَقَاعُ الْمُحْسِنِينَ**. Penentuan hukum wajib mutrah ini adalah mengikut umum ayat ini tanpa sentuhan maka tiadalah berlaku persetubuhan. Begitu juga mengikut kaid yang jelas jika tidak ditentukan mahar sebagaimana firman Allah S.W.T. **ان طلاقهن**
Ini adalah khas jika talak itu berlaku disebabkan oleh suami. Selain daripada itu mutah adalah sunat bagi seriap perceraian. Begitu juga mengikut pendapat Imam Ahmad bin Hambal.

Pendapat Mazhab Al-Shafiah:-

يرى الشافعية إنها تجب لكل مطلقة، ولم يستثن من ذلك إلا من طلاقت قبل الدخول والستحيث نصف المهر فعد أهلاً من عداصاً فما زالت تجب رباً المنفعة عنه، سواء كان الطلاق بعد الدخول أو قبله ولم يتم لها مهر، وأضدوا صداقاً من عدم قوته تعالى في المطلقات، «الطلاقات متاع بالمعروف»، فالنص شامل لكل مطلقة سواء كانت بسبب من جهته لزوج أو من جهتها أهلاً من طلاقت قبل الدخول وكانت قد سبى لها مهر واستثنى نصفه فما زلهم آخر يومها من حكم النص أذان آية، «ان طلاقهن النساء ما لم ينكحوهن أو نعرضوا لهن غريبة»، حصلت من طلاقت قبل أن يتم لها زواجها و كانت لم يفرض لها مهر بوجوب المنفعة. (1)

(1) Muhammad Salam Madkur, halaman 305.

Pendapat As-Shafiah mengatakan mutaah adalah wajib bagi setiap perceraian. Tidak ada pengecualian. Melainkan perceraian yang berlaku sebelum persetubuhan. Maka ia berhak suparuh mahar. Selain daripada itu mana-mana isteri yang diceraikan berhak menerima mutaah, samada talak selepas persetubuhan atau sebelumnya. Dan tidak disebut maharnya. Berdasarkan firman Allah S.W.T. pada perceraian".

وَلِمُطْلَقٍ بِسَبَّاعٍ بِالْمَعْرُوفِ

Nas ayat ini merangkumi bagi semua perceraian samada disebabkan oleh suami atau pun disebabkan oleh isteri. Adapun perceraian yang berlaku sebelum persetubuhan dan disebutkan maharnya maka isteri berhak menerima separuh daripada maharnya. Ini berdasarkan dari pada umum ayat: اَنْ مَلِكُتُمُ الْنِّسَاءَ مَا لَمْ تَعْوِذُنَا وَتَفْرِخْنَاهُنَّ خَرِيفَةٌ

Ayat ini ditentukan bagi suami yang menceraikan isterinya sebelum disentuh dan tidak ditentukan maharnya, maka wajiblah pihak suami membayar mutaah.

Pendapat Penulis

Menurut kajian penulis berdasarkan pendapat Mazahib Mazahib tersebut bahawa Mazhab Shafie adalah lebih sesuai dengan keadaan hidup masyarakat Islam di Malaysia. Masyarakat Islam di negara ini telah sebatik dengan Mazhab Shafie. Oleh kerana itu mutaah adalah wajib dan kena pada tempat dan keadaan masyarakat di Malaysia. Pelaksanaan mutaah menjamin kedudukan wanita dalam Islam menjadi lebih kuat dan kukuh sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam yang meletakkan wanita pada tarafnya.

BAB KEDUA

BIDANG KUASA ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK SELANGOR 1952

SEBAGAIMANA YANG DIUBAHSUAI OLEH PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN 1974

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadaannya oleh Seksyen (4/6) Akta Perlembagaan (Pindaan) No (2) 1973 Yang Dipertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut.

Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb. Februari, 1974.

Didalam Undang-Undang itu termaktub didalam bahagian ketiga Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, dimana dalam seksyen (43) 1 menyebutkan Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong boleh melantik sesiapa yang layak menjadi Kadi Besar Wilayah Persekutuan ini dan demikian juga melantik sesiapa menjadi Kadi bagi kariah-kariah yang ditentukan dan juga boleh menarik balik lantikan itu.

Kuasa-Kuasa Mahkamah dan kuasa Kadi Besar mengikut Seksyen (45).

1. Mahkamah Kadi Besar hendaklah berkuasa didalam seluruh Wilayah Persekutuan dan diketuai oleh Kadi Besar.
2. Tertaluk kepada yang ditentukan didalam undang-undang ini Mahkamah Kadi hendaklah berkuasa di atas perkara Mal atau jenayah atau lain-lain perkara yang disebutkan lepas itu kelak yang timbul daripada hal-hal kuasa yang dibenarkan mengikut yang tersebut didalam fasal yang sudah ataupun jika had-had itu tiada disebutkan di dalam negeri ini dan hendaklah diketuai oleh Kadi yang dilantik baginya.
3. Mahkamah Kadi hendaklah:-
 - A. Didalam kuasa Jenayah apa-apa kesalahan orang Islam dan boleh disiksa dia didalam undang-undang ini dan boleh menjatuhkan hukuman siksa yang ditentukan bagi kesalahan itu.
 - B. Didalam kuasa Mal membicarakan, memutuskan segala perbicaraan itu orang yang beragama Islam yang berkaitan dengan:-
 1. Bertunang-lanang, kahwin cerai, membatalkan akad nikah atau berparak.

2. Memberikan harta benda atau tuntutan diatas harta yang berbangkit daripada perkara yang tersebut diatas pecahan 1.B.
3. Bahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian.
4. Nafkah tanggungan anak-anak benar, menjaga atau merumahkan kanak-kanak.
5. Menentukan orang-orang yang boleh mendapatkan bahagian harta pusaka.
6. Wasiat atau pemberian masa hendak mati yang dibuat oleh simati yang beragama Islam.
7. Pemberian yang tiada bersyarat atau menyelesaian yang tiada bersyarat diatas wang tunai atau yang berharga dibuat oleh seseorang yang beragama Islam.
8. Wakaf atau nazar atau
9. Lain perkara kuasa yang telah diberi oleh mana-mana undang-undang.

Tetapi Mahkamah Kadi Besar itu tiada boleh pada lazimnya membicarakan kesalahan jenayah atau membicarakan atau memutuskan apa-apa perbicaraan Mal yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Kadi.

4. Mahkamah Kadi hendaklah:

- A. Didalam kuasa jenayah membicarakan apa-apa kesalahan yang dibuat oleh orang Islam dan boleh dihukum didalam undang-undang ini tetapi setinggi-tinggi hukum yang ditentukan oleh undang-undang atas kesalahan itu ialah tiada lebih tiga bulan penjara atau denda yang tiada lebih daripada \$500.00 atau keduanya dan boleh menjatuhkan hukuman yang demikian itu.
- B. Didalam kuasa Mal, membicarakan dan membuatkan perbicaraan diatas segala perkara yang dikuasakan kepada Mahkamah Kadi Besar membicarakan dan menentukan.

Tetapi jumlah harga tuntutan yang dibicarakan tidak boleh lebih daripada \$10,000.00 atau tiada boleh dinilai atau dihargai.

5. Keputusan atau hukuman Kadi Besar atau Kadi tiada boleh sekali mengenai Mal milik orang-orang kafir.
6. Satu pun tiada yang ada didalam undang-undang ini boleh mengenai kuasa Mahkamah Mal jika ada berlawanan oleh sebab berbangkit daripada keputusan Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi atau keputusan Mahkamah Mal menjatuhkan hukuman didalam kuasanya keputusan Mahkamah Mal hendaklah dipakai.

PENDAPAT PENULIS

Enakmen ini telah dibuat dan dilaksanakan daripada tahun 1952 didalam negeri Selangor sebelum tertubuh Wilayah Persekutuan dan telah diubahsuai daripada Perintah Wilayah Persekutuan 1979 sehingga tahun 1984 telah dipinda pada seksyen (45) Kuasa Jenayah Mahkamah Kadi daripada sebulan penjara dan denda seratus ringgit kepada tiga bulan penjara dan \$500/- denda.

Demikian juga kuasa Mal Mahkamah Kadi daripada \$1,000/- kepada \$10,000/-. Sebab itu dalam Kes Mal Mahkamah Kadi tidak dapat menjalankan perbicaraan didalam tuntutan Mal yang bernilai sebelum ini, kerana kuasa yang ada di Mahkamah Kadi terlalu rendah, maka tiada berupaya melaksanakan undang-undang itu. Selepas tahun 1984 baharulah kuasa Mahkamah Kadi berupaya menjalankan fungsinya. Tetapi keadaan telah berubah kerana nilai tuntutan di Mahkamah telah meningkat berpuluhan puluh ribu ringgit. Sedangkan kuasa Mahkamah Kadi Besar didalam jenayah ialah penjara lebih tiga bulan sehingga enam bulan dan denda sebanyak \$1,000.00.

Didalam kuasa Mal Mahkamah Kadi Besar ialah \$10,000/- keatas sehingga tidak ada hadnya.

Memandangkan keadaan alam sekeliling telah berubah daripada masa ke semasa maka enakmen ini tidak lagi dapat menampung keperluan masyarakat Islam sebagai undang-undang yang boleh memberikan perkhidmatan yang sempurna kerana ia telah begitu lama tidak berubah sedangkan masyarakat dan negara telah jauh berubah daripada yang ada didalam enakmen.

Seperti seksyen 130 pemberian kepada isteri yang telah diceraikan mengikut mazhab Imam Syafie mutaah itu adalah wajib sebelum bersatu atau selepas bersatu. Maka istilah pemberian tidak kena pada tempatnya. Sepatutnya tuntutan hak isteri terhadap suami yang telah menceraikan isterinya dengan sah.

Oleh itu apa yang saya dapat fahami daripada undang-undang ini ia telah ketinggalan jauh sekali, berbanding dengan setengah-setengah negeri lain yang telah pun mengubah meminda dan memperbaharui undang-undang ini kepada yang lebih lengkap dan baru, yang dapat menampung keadaan yang ada.

Masa Tuntutan dibuat

Sebelum Mahkamah menerima sebarang tuntutan, hendaklah menentukan alamat tempat tinggal terlebih dahulu, misalnya di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, bermakna semua orang yang menuntut mesti tinggal menetap didalam Wilayah Persekutuan, kerana peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan hanya boleh membicarakan mana-mana orang Islam yang tinggal menetap dalam Wilayah Persekutuan saja (S.45) (1).

TUNTUTAN MUTAAH boleh dibuat melalui dua proses:

1. Boleh menuntut terus ke Mahkamah Syariah (S.76)
2. Melalui wakil (peguam) (S.50)

1. TUNTUTAN TERUS KE MAHKAMAH

- a. Yang menuntut hendaklah hadir sendiri ke Mahkamah berjumpa Ketua Mahkamah atau Pendaftar (S.51)
- b. Yang Menuntut menulis tuntutannya sendiri atau ditulis oleh Ketua Mahkamah atau Pendaftar (S.76.1)
- c. Tuntutan hendaklah mengandungi nama, alamat orang Yang Kena Tuntut dan butir-butir tuntutan yang dikehendaki. (S.76.2)
- d. Yang Menuntut hendaklah menyenaraikan surat-surat bukti, dokumen-dokumen yang berkaitan dan surat cerai (S.76.2)

- e. Setelah tuntutan ditulis dengan lengkap, tuntutannya hendaklah dibaca sendiri atau dibacakan oleh Ketua Mahkamah atau Pendaftar setelah berpuas hati, hendaklah ditandatangani oleh Yang Menuntut di hadapan Pendaftar atau Ketua Mahkamah. (S,78.1)
- f. Tuntutan yang bertulis juga hendaklah dicopimeteri Mahkamah dan ditandatangani oleh Ketua Mahkamah atau Pendaftar. (S,48.2)
- g. Yang Menuntut hendaklah membuat pengakuan ikrar dihadapan Ketua Mahkamah Atau Pendaftar dengan mengisi kan butir-butir, seperti nama alamat dan sebagainya dalam borang ikrar. Sebanyak tiga (3) salinan dan ditandatangani di hadapan Ketua Mahkamah atau Pendaftar (S,53.2)
- h. Tiap-tiap tuntutan hendaklah dibuat dalam:-
 - i) Tiga salinan borang saman.
 - ii) Tiga salinan surat akuan ikrar.
 - iii) Tiga salinan tuntutan.
- i. Yang Menuntut hendaklah mengemukakan nama sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki selain ibu atau bapa yang diharuskan mengikut hukum syarak (S,53.1)

Tuntutan yang lengkap hendaklah difailkan dalam Mahkamah dan didaftarkan dengan bayaran sebanyak \$9.00. Setiap seorang saksi dikenakan bayaran \$0.50 sen. Mahkamah memberikan nombor kes dan menetapkan tarikh sebutan atau perbicaraan. (Peraturan 4)

2. TUNTUTAN MUTAAH MELALUI WAKIL (PEGUAM) (S,50(5.1))

- a. Tiap-tiap tuntutan melalui wakil (Peguam) orang yang Menuntut hendaklah berjumpa peguamnya dan mengemukakan tuntutannya sendiri.